


# Panduan bagi Ukuran Hasil Laporan Pesakit (PROMs)

## Apa itu PROMs?

- Ukuran Hasil Laporan Pesakit (PROMs) ialah tinjauan yang anda boleh gunakan untuk menilai kesihatan dan kesejahteraan diri anda
- Tinjauan yang diselaras ini membantu pasukan penjagaan kesihatan anda memahami keadaan kesihatan anda dan memantau kemajuan anda dengan lebih baik
- Pasukan penjagaan kesihatan anda akan menasihati anda jika anda perlu melengkapkan PROMs. Anda mungkin diminta melengkapkannya:
  - Sebelum konsultasi semasa temu janji klinikal anda
  - Apabila anda menerima notifikasi SMS untuk melengkapkannya dalam talian di antara temu janji susulan
- PROMs boleh dilakukan dalam dua cara yang berikut:



Tinjauan Bertulis



Tinjauan Digital

## Bagaimanakah PROMs bermanfaat untuk anda?

1

Merapatkan hubungan anda dengan pasukan penjagaan kesihatan anda



2

Memudahkan rawatan yang disasarkan untuk merawat simptom dengan lebih baik




3

Memberikan pengetahuan mendalam tentang keberkesanan pelan penjagaan anda



4

Memberikan titik rujukan untuk menjejak kemajuan kesihatan anda



5

Memperkasakan anda agar bertanggungjawab ke atas kesihatan dan kesejahteraan diri anda



Imbas kod QR ini untuk maklumat kesihatan lanjut di Perpustakaan Kesihatan TTSH kami

PEJABAT NILAI  
PECC-VMU-ED-2022-1533M-v1